

27/02/2002

Kabinet tentukan nasib Terminal 3

Mohd Zin Ali

PETALING JAYA, Selasa - Kabinet akan memutuskan nasib operasi penerbangan domestik di Terminal Tiga Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) dalam dua atau tiga minggu lagi.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, semua aspek akan diambil kira, termasuk pandangan orang ramai sebelum keputusan dibuat mengenai sama ada operasi di terminal itu ditamat atau diteruskan.

Rancangan memberhentikan operasi di Terminal 3 itu ditimbangkan berikutan perkhidmatan kereta api laju Express Rail Link (ERL) dari KL Sentral di pusat bandaraya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) mula beroperasi April ini.

Namun, tinjauan akhbar ini semalam menunjukkan ramai pengguna masih mengharapkan operasi penerbangan domestik diteruskan di LTSAAS berikutan kedudukannya berhampiran pusat bandaraya.

"Kerajaan membuat keputusan muktamad sama ada LTSAAS akan ditutup sepenuhnya, ditutup separuh atau dibuka selama-lamanya.

"Kami sepatutnya menghantar kertas cadangan mengenai perkara ini ke Kabinet dalam satu atau dua minggu lagi," kata Dr Ling selepas melawat kerja pengubahsuaian premis lama akhbar The Star yang dijadikan kampus sementara Universiti Tunku Abdul Rahman di Seksyen 13, di sini hari ini.

Beliau berkata, pemindahan operasi kargo dan penumpang ke KLIA adalah penting kerana ia mampu menarik kehadiran lebih banyak pesawat luar negara datang ke KLIA.

"Ia seperti ketika kita mula-mula menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat pemindahan kargo. Apabila kita berbuat demikian, operasi Pelabuhan Klang mula meningkat dengan pesat dan banyak kapal lain yang datang," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga perlu mengkaji kesannya kepada perkhidmatan ERL dan kepada perniagaan yang dijalankan di KLIA.

Dua bulan lalu, Dr Ling dilaporkan berkata Terminal Tiga LTSAAS mungkin ditutup apabila projek ERL beroperasi menjelang April ini.

Sementara itu, mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di London semalam dipercayai berlaku penyalahgunaan wang dan pengurusan wang dalam Penerbangan Malaysia (MAS), Dr Ling berkata, pihaknya menyerahkan kepada polis untuk membuat siasatan.

"Tunggulah...siasatan masih dijalankan. Biarlah polis membuat siasatan dengan senang hati dan biarlah mereka membuat siasatan sepenuhnya," katanya.

(END)